



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
(Accountant General's Department Malaysia)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 1, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
62594 PUTRAJAYA



Tel : 603-8882 1000
Faks : 603-8882 1042
Web : <http://www.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(OC)08/2Jld7(16)
Tarikh : 31 Mac 2008



Puan Lok Yim Pheng
Setiausaha Agung NUTP
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
13 & 15, Jalan Murai Dua
Kompleks Batu, Off Jalan Ipoh
51100 Kuala Lumpur

Puan

ADUAN PEMOTONGAN CUKAI BERJADUAL TANPA NOTIS

Surat puan bernombor rujukan (29)dIm.KPPK(IP)PP 5/(05-08)/(16) bertarikh 12 Mac 2008 berkenaan perkara diatas dirujuk dengan segala hormatnya.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pemotongan cukai yang dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bukanlah melalui dan arahan Biro Perkhidmatan Angkasa tetapi ianya berdasarkan arahan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagaimana terkandung dalam Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) (1994) yang berkuatkuasa mulai saraan Januari 2006.
3. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia boleh memotong gaji tanpa kebenaran guru berkenaan berdasarkan perkara-perkara berikut :-
 - (i) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memperkenalkan satu mekanisme potongan Cukai Pendapatan daripada saraan bulanan semasa mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan Pindaan 2004. Ianya bukan cukai akhir tetapi merupakan bayaran pendahuluan ke akaun pekerja bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja daripada keperluan untuk membayar cukai sekaligus apabila cukai sebenar dikira.
 - (ii) Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) (1994) adalah diperuntukan dibawah Seksyen 107 Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967) dimana tiap-tiap majikan hendaklah memotong pada setiap bulan potongan bulanan mengikut jadual berkenaan untuk tujuan cukai daripada saraan setiap pekerjanya dan meremitkan kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

(iii) Majikan diwajibkan menyimpan rekod / maklumat pekerja dan bayaran potongan cukai berjadual dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh saraan dibayar atau yang sepatutnya dibayar. Kegagalan majikan mematuhi peruntukan ini akan mengakibatkan pengenaan denda di bawah Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) (Pindaan) (1994).

6. Semoga dengan penerangan di para 3 (i), (ii) dan (iii) di atas adalah diharapkan agar puan telah mendapat maklumat serta jawapan yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Perakaunan Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti"

Saya yang menurut perintah



(SAFIEE BIN MOHD YUSOFF)

Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan
b/p : Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1 – 8, No. 1 Persiaran Perdana Precint 2
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 W. P. Putrajaya.